# Biasiswa $20,000 ditawar kepada pelajar undang-undang SUSS

BIASISWA bernilai $20,000 akan ditawarkan kepada pelajar bidang undang-undang di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) dari dana yang didermakan dari estet mendiang mantan Hakim Mahkamah Tinggi Choor Singh.

Di bawah Anugerah Pembelajaran Choor Singh itu, $10,000 akan diberi kepada dua pelajar layak yang terdaftar dalam program Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dan Doktor Juris (JD) di SUSS bermula tahun depan.

Anugerah tersebut tidak mempunyai ikatan bon dan akan ditawar kepada warga Singapura dengan pendapatan keluarga keseluruhan yang tidak lebih daripada $4,300 atau mereka yang boleh memberikan bukti yang mereka menghadapi masalah kewangan.



**MANTAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI CHOOR SINGH:** Dana biasiswa diderma daripada estet mendiang yang telah meninggal dunia pada Mac 2009 pada usia 98 tahun.

Kriteria kelayakan lain termasuk keputusan akademik yang boleh diterima, penglibatan dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan kemungkinan mereka mengamalkan undang-undang keluarga atau jenayah.

Hakim Singh mempunyai minat yang mendalam untuk berkhidmat kepada masyarakat dan banyak bersimpati terhadap usaha pendidikan, menurut kenyataan dari SUSS.

Beliau telah menyumbang kepada banyak usaha amal pendidikan masyarakat Singh dan merupakan seorang anggota Dana Amal Pendidikan India Singapura, yang memberikan bantuan kewangan kepada pelajar India yang memerlukan dan layak di Singapura.

Beliau meninggal dunia pada Mac 2009 pada usia 98 tahun.

Anaknya, Dr Daljeet Singh Sidhu, hadir di SUSS kelmarin bagi menguruskan dokumen derma dan memberika cek kepada Provost Profesor Tsui Kai Chong dari SUSS.

Dr Singh mendedahkan bahawa dedikasi SUSS kepada melatih pelajar kerjaya pertengahan dalam bidang undang-undang cukup bermakna baginya kerana bapanya itu hanya berpeluang meneruskan pelajarannya dalam bidang undang-undang semasa usianya 30-an tahun.

Hakim Singh juga terpaksa belajar dan bekerja pada masa yang sama untuk menyokong keluarga mudanya.

"Anugerah Pembelajaran ini dibentuk berdasarkan memori bapa saya dan untuk menggalakkan lebih ramai pelajar berusia untuk meneruskan pembelajaran dalam bidang undang-undang," katanya.

"Beliau juga mungkin gembira jika beliau tahu bahawa kami menyokong kededua pelajar muda dan pelajar dewasa bekerja yang belajar di SUSS yang memerlukan bantuan kewangan."

Profesor Tsui, yang telah mewakili SUSS bagi menerima cek tersebut berkata universiti itu berasa bangga menjadi penerima derma tersebut.

"Ini akan memanfaatkan pelajar udang-undang dan memberikan kesan positif terhadap masyarakat apabila pelajar menamatkan program dan berkhidmat sebagai profesional undang-undang," katanya.

Pelajar undang-undang di SUSS boleh mengunjungi laman dalam talian untuk membuat permohonan bagi anugerah tersebut pada Ogos ini.




## Berita Harian NOTIS

**DALAM PERKARA**
**AKTA SYARIKAT, BAB 50**
**DAN**
**DALAM PERKARA**
**BRUMMER & PARTNERS (SINGAPORE) PTE. LTD.**
**(Pembubaran Sukarela Oleh Ahli)**
**(No. Pendaftaran Syarikat 201424165E)**

**NOTIS MESYUARAT TERAKHIR**

DENGAN NOTIS INI DIBERITAHU bahawa mengikut Seksyen 308(1) Akta Syarikat, Bab 50, Mesyuarat Terakhir bagi Syarikat tersebut akan diadakan di One Raffles Place #10-62, Tower 2, Singapura 048616, pada 4 Julai 2018 jam 10.00 pagi, bagi tujuan menerima akaun daripada Pembubar yang menunjukkan bagaimana pembubaran tersebut telah dijalankan dan harta benda Syarikat tersebut dilupuskan serta mendengar sebarang penerangan yang mungkin disampaikan oleh Pembubar.

Bertarikh 1 Jun 2018

Hamish Alexander Christie
Pembubar
C/o. 1 Raffles Place #10-62
One Raffles Place, Tower 2
Singapura 048616

Perhatian:
Seorang ahli yang berhak hadir dan mengundi dalam mesyuarat ini berhak melantik orang lain atau orang-orang lain (sama ada ahli atau bukan) sebagai proksinya untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Proksi bagi mesyuarat di atas hendaklah dikemukakan di pejabat Pembubar sekurang-kurangnya 48 jam sebelum masa yang ditetapkan bagi mengadakan mesyuarat ini.

